

07/05/1999

RM10j untuk beli alatan robotik

Azmi Md Deros

KEMENTERIAN Pendidikan akan membelanjakan kira-kira RM10 juta tahun ini bagi membeli peralatan robotik untuk dibekalkan kepada sekolah menengah.

Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata bekalan tambahan peralatan robotik itu bertujuan meningkatkan kemudahan pembelajaran bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dan Reka Cipta.

Menurutnya, Kabinet sudah memutuskan supaya kementerian itu membekalkan peralatan robotik yang lebih canggih kepada sekolah menengah dan meluluskan peruntukan berkenaan.

"Kementerian akan membelanjakan kira-kira RM10 juta untuk membekalkan lima set alat robotik kepada setiap sekolah menengah di seluruh negara.

"Kementerian sedang berurusan dengan Perbendaharaan Negara untuk membeli alat robotik itu secara kontrak berkumpulan kerana harganya lebih murah daripada pembelian secara berasingan," katanya di Ipoh, semalam.

Terdahulu, beliau menyampaikan ucapan di Program Peningkatan Profesionalisme Guru Perak.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah; Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah dan Pengarah Pendidikan Perak, Abu Bakar Bachik.

Kira-kira 1,000 pengetua dan guru besar hadir di majlis itu.

Najib berkata, kerajaan berharap melalui penggunaan robotik itu pelajar memahami dengan jelas mengenai cara peralatan itu berfungsi serta tahu mencipta dan memasangnya.

Katanya, kemahiran teknologi robotik amat penting bagi melahirkan generasi yang berteknologi tinggi pada masa depan, selaras dengan keperluan negara.

Menurutnya, idea penggunaan robotik dalam pendidikan ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tertarik dengan fungsi sistem berkenaan dan menyarankan supaya diketengahkan kepada pelajar.

Najib berkata, kementerian itu berharap peralatan robotik itu digunakan tahun ini.

Terdahulu, dalam ucapannya beliau berkata, rakyat negara ini bertuah kerana rangkaian sistem pendidikan negara adalah antara yang terbaik di dunia.

Menurutnya, ia terbukti apabila banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta dibuka di samping mempunyai pelbagai program pengajian, termasuk jarak jauh.

"Malaysia mempunyai sistem pendidikan paling inovatif di dunia kerana kerajaan menyediakan terlalu banyak peluang kepada rakyatnya melanjutkan pelajaran di pelbagai bidang," katanya.

(END)